


**TINJAUAN TERHADAP KEPERLUAN PROGRAM IJAZAH
SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM PEJABAT
(PENGURUSAN ACARA) DI ORGANISASI AWAM DAN SWASTA**



**INSTITUTE OF RESEARCH DEVELOPMENT AND
COMMERCIALIZATION
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR**

OLEH

**ABD. RAZAK BIN SAID
SITI KHALIJAH MAJID
JAHJAITON ARSAD
NURULIZZAH MOHAMED**

NOVEMBER 2003

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada individu-individu dan kumpulan-kumpulan di bawah yang terlibat dalam memberikan bantuan, sokongan, dan segala bentuk pertolongan bagi memastikan penyelidikan ini dapat dilangsungkan dengan jayanya:

Prof. Madya Ir. Abdullah Suhaimi bin Mohammed
(Pengarah UiTM Pahang)

Prof. Madya Dr. Halimaton Hj. Khalid
(Dekan, Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat)
UiTM Shah Alam)

Dr. Azhan bin Ismail
(Koordinator, Institute of Research Development and Commercialization)
(UiTM Pahang)

Koordinator, Latihan Praktik Fakulti Pengurusan dan Teknologi Pejabat
(Kampus Shah Alam dan Jengka)

Semua Responden Yang Terlibat Iaitu:
Majikan Di Organisasi Awam dan Swasta Di Negeri Pahang, Johor, Selangor dan
Wilayah Persekutuan

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Senarai Penyelidik	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	v
Abstrak	vi
 BAB 1: PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Pernyataan Masalah	2
1.2 Objektif Kajian	5
1.3 Limitasi dan Skop Kajian	5
1.4 Definisi Terma	6
 BAB 2: SEMAKAN LITERATUR	
2.0 Pengenalan	8
2.1 Permintaan Dalam Sektor Perkhidmatan	9
2.2 Pendidikan Dewasa	10
2.3 Pembentukan Kurikulum	12
 BAB 3: KAEDAH PENYELIDIKAN	
3.0 Pengenalan	20
3.1 Instrumentasi dan Kaedah Pengukuran	20
3.2 Populasi dan Sampel	21
3.3 Rekabentuk Soal Selidik	21
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	22
3.5 Kaedah Penganalisan Data	23
 BAB 4: HASIL DAPATAN	
4.0 Pengenalan	24
4.1 Profil Responden	24
4.2 Keperluan Pengurus Acara Dalam Organisasi	27
4.3 Kemahiran dan Pengetahuan Pengurus Acara	30
4.4 Sokongan Terhadap Mewujudkan Program Pengurusan Acara di UiTM	33

ABSTRAK

Sejajar dengan kepesatan ekonomi negara yang semakin rancak ini berbagai acara telah dan sedang dilaksanakan untuk memperkenalkan lagi Malaysia ke seluruh dunia. Acara-acara seperti Tour de Langkawi, Formula One, Perlumbaan Bot Laju, Konsert oleh penyanyi-penyanyi terkenal dunia, serta berbagai lagi acara perlancongan akan sentiasa menjadi agenda penting negara ini. Oleh itu perkara yang sentiasa menjadi persoalan adalah apakah kita mempunyai kepakaran yang begitu khusus untuk mengendalikan acara-acara bertaraf dunia ini? Apakah kita masih lagi mewujudkan jawatankuasa-jawatankuasa ad-hoc bagi sesuatu acara? Jika ya, mengapa pihak pusat pengajian tinggi mewujudkan program khusus untuk mengendalikan acara mengikut acuan bangsa, budaya, dan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Oleh itu bagi melihat kemungkinan mewujudkan program di peringkat ijazah kajian ini telah dilakukan dengan mengedarkan soal selidik kepada 179 buah organisasi di Pahang, Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Daripada ini hanya 93 borang soal selidik yang diterima oleh ahli penyelidik. Daripada kajian yang dijalankan didapati bahawa 72.6% majikan bersetuju agar program ini dikendalikan di peringkat Ijazah Sarjana Muda manakala 71.4% menyarankan agar program ini dapat diteruskan ke peringkat Ijazah Sarjana. Majikan juga bersedia untuk menghantar kakitangan mereka yang sedia ada untuk mendapatkan latihan secara luar kampus (39.3%). Oleh itu pengwujudan program ini nanti dilihat sebagai satu pelaburan penting oleh Universiti Teknologi Mara dalam usaha membantu masyarakat bumiputera untuk terus bersaing dengan bangsa lain. Ini juga secara tidak langsung mewujudkan peluang-peluang baru kepada bumiputera dalam industri perniagaan iaitu menguruskan acara.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Perancangan yang teliti dan kerjasama semua pihak merupakan tonggak terhadap kejayaan sesuatu program. Perkara ini disuarakan oleh Ketua Pengarah MAMPU yang berbunyi, “Kita baru saja mengadakan beberapa majlis utama. Sebenarnya pengendalian Majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri, Seminar Kebangsaan Pendarasan dan Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam yang kita anjurkan itu, serta sebarang majlis yang lain seumpama itu memerlukan perancangan serta pelaksanaan yang sungguh teliti. Tidak ada resepi rahsia di sebalik kemampuan kita menguruskan majlis tersebut melainkan ia adalah berkat kerjasama secara berpasukan baik di kalangan sesama warga MAMPU mahupun dengan pegawai-pegawai daripada agensi-agensi lain.” (Buletin MAMPU, 2002)

Kepentingan terhadap perancangan dan pengurusan acara ini memang tidak dapat dinafikan lagi memandangkan negara kita sekarang ini sering kali menjadi tuan rumah terhadap beberapa acara penting seperti, Sukan Komenwel, Sukan Badminton, Persidangan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Acara sukan bermotor seperti Formula One, Lumba motosikal, serta banyak lagi. Bagi memastikan kejayaan sesuatu acara